



Tel : 04-2615669  
Fax/Tel : 04-2628664  
E-mail : [secretariat@penangbar.org](mailto:secretariat@penangbar.org)  
Website : [www.penangbar.org](http://www.penangbar.org)

No. 4. Green Hall,  
1st Floor,  
10200 Penang,  
Malaysia.

## **JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE**

Syariah 7/22

20 Oct 2022

Kepada semua Peguam Syarie,

### **Arahan Penutupan Kaunter Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah-Mahkamah Rendah Di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang bagi Proses Peralihan Sistem E-Syariah Ver.2 Kepada E-Syariah Ver.3**

Pihak Jawatankuasa Kecil Syariah telah menerima suatu Notifikasi bertarikh 19 Okt 2022 daripada Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang berkenaan pemakluman penutupan kaunter Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah di seluruh Negeri Pulau Pinang pada 04 November 2022 bagi proses peralihan sistem E-Syariah Ver.2 kepada E-Syariah Ver.3.

Kaunter Mahkamah-Mahkamah Syariah tersebut akan Kembali beroperasi pada 7 Nov 2022.

Notifikasi tersebut disertakan di bawah untuk makluman dan perhatian semua.

**Mohd Azizan Mat Nayan & Robiaaton Adawiyah Safri**  
**Pengerusi Bersama**  
**Jawatankuasa Kecil Syariah**



**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH  
NEGERI PULAU PINANG  
NO.3, JALAN BATU GANTUNG  
10450 PULAU PINANG**

# MEMO

Ruj. Kami :JKSPP.100.12/6/14 (32)

Tarikh : 19 Oktober 2022  
22 Rabiulawal 1444H

|                   |   |
|-------------------|---|
| Kepada            | <b>Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah<br/>Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Timur Laut<br/>Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Barat Daya<br/>Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara<br/>Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah<br/>Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan</b> |
| Daripada          | <b>Ketua Pendaftar</b>  |
| Salinan<br>Kepada | <b>YAA Dato' Ketua Hakim Syarie</b>   |
| Perkara           | <b>Arahan Penutupan Kaunter Mahkamah Tinggi dan Mahkamah- Mahkamah Rendah Syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang bagi Proses Peralihan Sistem Esyariah Ver.2 kepada Esyariah Ver.3.</b>   |

YA / Tuan/ Puan

Perkara di atas adalah dirujuk,

2. Merujuk kepada Taklimat Pelaksanaan "Go-Live" E-Syariah Ver.3 yang telah diadakan pada 22 September 2022, dimaklumkan bahawa kaunter-kaunter Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah seluruh Pulau Pinang akan ditutup pada hari **Jumaat, 4 November 2022** untuk memberi laluan kepada proses peralihan sistem e-Syariah Ver.2 kepada sistem e-Syariah Versi 3. Kaunter-kaunter terbabit dijangka dapat beroperasi semula seperti biasa pada **7 November 2022**.

3. Sehubungan dengan itu, Ya/ Tuan/ Puan dimohon untuk membuat **PEMAKLUMAN SEGERA** berkaitan arahan penangguhan kepada pelanggan. Walau bagaimanapun, kehadiran waktu bekerja YA/ tuan/ puan adalah seperti biasa.

4 Kerjasama YA/ tuan/ puan dalam memastikan arahan ini dipatuhi amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**(HASNIAH BINTI HASSAN)**